



KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

21 FEBRUARI 2023 (SELASA)



KERATAN AKHBAR (KPDN)

21 FEBRUARI 2023 (SELASA)



Salahuddin menunjukkan Menu Rahmah yang di sumbangkan kepada golongan B40 selepas merasmikan Program Jualan Rahmah AEON BIG Wangsa Maju di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Fathil Asri/BH)

KPDN terus pantau jualan barang keperluan

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) mendapati harga sayur di pasaran ketika ini sudah mula turun.

"Rata-rata harga sayur-sayuran di pasaran ketika ini sudah mula turun," kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN), Datuk Seri Salahuddin Ayub, semalam.

Beliau berkata, contohnya harga cili merah hampir mencécah RM25 hingga RM27 sekilo beberapa minggu lalu dan hari ini sudah turun sekitar RM12 hingga RM15 sekilo.

"Sayur-sayuran adalah barang yang ada masanya harangnya naik dan ada kalanya turun."

"Berdasarkan perbincangan dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

(MAFS) ia berlaku pada waktu tengkujuh dan beberapa sayur-sayuran khususnya yang menghadapi musim tengkujuh memang mahal," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang media selepas merasmikan Majlis Pelancaran Program Jualan Rahmah AEON BIG di AEON BIG Wangsa Maju dekat sini, semalam.

Katanya, KPDN akan terus mengawasi harga semasa jualan sayur-sayuran di seluruh negara bagi mengurangkan beban rakyat.

Dalam perkembangan lain, Salahuddin berkata kementerian yakin tidak ada mana-mana pihak akan mensabotaj program Menu Rahmah yang dilaksanakan oleh kerajaan ketika ini.

Katanya, beliau tidak percaya bahawa ada syarikat jenama be-

sar atau warung kecil di kampong sekali pun untuk tidak berkompromi dengan kualiti menu yang diniagakan.

"Saya tidak percaya ada pihak tergamac menggunakan bahan mentah yang tidak berkualiti contohnya ikan yang dah busuk atau sayur yang sudah rosak dimasak untuk Menu Rahmah dan saya tak fikir begitu."

"Jadi, saya yakin tidak akan ada mereka yang sengaja menyalahgunakan Menu Rahmah berkenaan," katanya.

Beliau berkata, pihaknya yakin rakyat Malaysia walau apa agama dan bangsa sekali pun apabila mereka mahu membuat Menu Rahmah atau jualan rahmah berkenaan mereka tidak berkompromi tentang kualiti dan kuantiti.

Harga sayur dijangka turun 40 peratus

Cuaca baik jadi faktor pengeluaran kembali meningkat

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_no@bh.com.my

Johor Bahru: Harga sayur-sayuran yang sebelum ini melonjak naik susulan musim hujan dan banjir yang melanda negara, dijangka turun sehingga 40 peratus, mulai minggu ini.

Pengerusi Persekutuan Penanam Sayur Sayuran Malaysia, Lim Ser Kwee, berkata ia susulan cuaca yang kembali baik sejak minggu lalu.

Katanya, cuaca baik menyebabkan pengeluaran hasil sayuran kembali meningkat dengan jangkaan bekalan sayuran kembali stabil mulai minggu depan.

"Cuaca baik sejak minggu lalu menyebabkan pengeluaran sayur-sayuran negara terutama di Johor, Pahang dan Perak kembali meningkat.

"Harga timun yang sebelum ini melonjak sehingga RM7 sekilogram (kg) berikutan hasil yang sangat kurang kini turun kepada RM2.50 setiap kg selepas pengeluaran meningkat.

"Begitu juga harga kacang pan-



Bekalan sayur-sayuran dijangka kembali stabil mulai minggu depan.

(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

jang yang sebelum ini naik mendadak kepada RM9/kg kini kembali ke harga asal iaitu RM3.50 hingga RM4 setiap kg.

"Kita menjangkakan bekalan sayuran akan kembali stabil menjelang minggu depan dengan harga sayur kembali murah seperti sebelum musim hujan dan banjir," katanya ketika dihubungi, semalam.

Hujan lebat jaga harga
Sejak bulan lalu, harga sayuran dilaporkan melonjak melebihi 100 peratus, susulan hujan lebat berterusan dan banjir melanda beberapa negeri sejak Disember lalu.

Ser Kwee dilaporkan berkata hujan lebat berterusan menjasakan ladang sayuran di Johor, Pahang dan Perak, sekali gus me-

nyebabkan harga bahan mentah itu melonjak naik di kawasan terjejas berikutan bekalan terjejas dan dijangka hanya akan pulih secara berperingkat hujung bulan ini.

Antara sayuran yang mencatatkan kenaikan harga lebih 100 peratus termasuklah tomato, timun, kacang panjang dan bendi.

Sementara itu, peniaga sayuran pasar basah Tampoi, Wan Baharuddin Ahmad, berkata bekalan sayuran yang diterima daripada pembekal juga kembali meningkat berbanding dua bulan lalu.

"Alhamdulillah, bekalan sayur berdaun yang paling terjejas termasuk bayam, sawi dan kangkung selain tomato, bendi dan kacang panjang, kini semakin pulih," katanya.

HARGA SAYUR	
SARAWAK	
Cili merah	RM18.90 - RM32.85/kg
Cili padi	RM40/kg
Bawang merah	RM17 - RM26/kg
Bawang putih	RM5.20 - RM10/kg
Sawi	RM10.99 - RM12.99/kg
Timun	RM1.99 - RM5/kg
KELANTAN	
Cili gred A	RM18 - RM20/kg
Timun	RM4 - RM5/kg
Terung	RM10 - RM12/kg
Sawi	RM6 - RM7/kg
Bendi	RM12 - RM13/kg
Lada besar	RM16/kg
Kubis	RM3/kg
JOHOR	
Bawang merah	RM3.50 - RM4.50/kg
Bawang putih	RM5.50 - RM6.50/kg
Cili merah	RM14 - RM15/kg
Cili padi	RM12 - RM14/kg
Sawi	RM7 - RM7.50/kg
Timun	RM4 - RM4.50/kg
KUALA LUMPUR	
Cili merah	RM15.90/kg
Cili padi	RM33.90/kg
Bawang merah	RM2.40/kg

KPDN yakin pihak yang menyediakannya tidak berkompromi soal kualiti

Pastikan tiada sabotaj Menu Rahmah

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

KUALA LUMPUR — Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Saraw Hidup (KPDN) akan memastikan tiada mana-mana pihak tidak bertanggungjawab mensabotaj program Menu Rahmah yang diperkenalkan bagi membantu rakyat khususnya golongan menerburuk.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, beliau yakin pelbagai pihak termasuk syarikat besar atau individu yang menawarkan Menu Rahmah tidak akan berkompromi dari segi kualiti untuk dijual kepada rakyat.

"Saya tak percaya ada syarikat dengan nama besar atau individu berniaga hatta di warung kecil kampung, yang mana ada tak mereka ini ingin berkompromi dengan kualiti.

"Contohnya (menjual) ikan sudah busuk atau sayur dicampak tepi jalan untuk masakan Menu Rahmah. Saya tak fikirlah, saya yakin tidak akan ada mereka se-ngejaja salah guna Menu Rahmah.

"Malah, saya yakin rakyat Malaysia apa sahaja agama dan bangsa, bila nak buat Menu Rahmah, tidak akan kompromi dengan kualiti dan kuantiti," ka-



SALAHUDDIN (kanan) dan Pengarah Urusan AEON Big, Sheikh Farouk Sheik Mohamed melihat barang yang dijual pada Majlis Pelancaran Program Inisiatif Payung Rahmah di Kuala Lumpur semalam. — SHIDIEQIN ZON

tanya kepada pemberita selepas pelancaran Program Rahmah AEON BIG (M) Sdn. Bhd. atau AEON BIG di ARON-BIG Wang Maju di sini semalam.

Beliau berkata, hampir semua pasar raya di seluruh negara menyertai program Payung Rahmah diperkenalkan KPDN bagi membantu golongan B40 dalam

mendepani isu kos sara hidup.

Sementara itu, pelancaran Program Rahmah di AEON BIG semalam merangkumi Jualan Rahmah, Bakul Rahmah, Menu

Rahmah dan Paket Rahmah. Salahuddin turut memuji usaha AEON BiG yang disifatkan lebih dinanti-nanti rakyat memandangkan ia turut melibatkan barang keperluan dan barang asas.

"Ada 17 barang asas dan jika dibandingkan dengan harga di luar, boleh menjimatkan hampir RM25. Ini sudah pasti meringankan rakyat dan saya harap AEON BiG akan terus dapat bantu kerajaan dalam merealisasikan sedikit sebanyak bantuan kepada rakyat," katanya.

Menerusi Jualan Rahmah oleh AEON BiG, ia menawarkan 100 produk terpilih dijual pada harga lebih rendah, antaranya beras, minyak masak, makanan proses, peralatan mandian dan pelbagai keperluan asas.

Bagi set Menu Rahmah berserta air mineral berharga RM4.95 sahaja. Antara menu itu ialah Menu Rahmah Ayam, Menu Rahmah Sotong, Menu Rahmah Ayam Hitam, Menu Rahmah Ayam Lemak, Menu Rahmah Ayam Merah, Menu Rahmah Ikan dan Menu Rahmah Ikan Lemak.

Paket Rahmah pula menyediakan paket barang keperluan harian bermilai RM50 yang akan dijual di seluruh cawangan AEON BiG.

Pantau kualiti Menu Rahmah

KPDN bagaimanapun yakin tiada pihak tergamak sabotaj inisiatif yang diperkenalkan kerajaan itu

Oleh NURHIDAYAH HAIRON
KUALA LUMPUR

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) akan terus memantau kualiti Menu Rahmah yang ditawarkan golongan peniaga kepada rakyat.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata, pihaknya tidak akan berkompromi dengan kualiti makanan yang ditawarkan meskipun dijual dengan harga murah.

Beliau juga yakin tiada mana-mana pihak yang tergamak melakukan sabotaj terhadap inisiatif diperkenalkan

demi membantu rakyat mendepani kos sara hidup.

"Saya tidak percaya ada syarikat terkenal atau peniaga walaupun di warung kecil di kampung, ingin berkompromi dengan kualiti (Menu Rahmah).

"Contohnya (gunakan) ikan dah busuk, masak sayur yang dicampak tepi jalan untuk Menu Rahmah. Saya tidak fikir begitu."

"Jadi saya yakin tidak akan ada mereka yang sengaja untuk menyalahgunakan Menu Rahmah ini," katahy selepas melancarkan Program Rahmah AEON BiG (M) Sdn Bhd di sini pada Isnin.

Tambah Salahuddin, pihaknya yakin jualan Menu Rahmah akan ditawarkan dalam jangka masa panjang mengambil kira harga barang asas bagi penyediaan menu tersebut dijangka tidak meningkat secara mendadak dalam tempoh tiga bulan.

Ujarnya, bagi memastikan hal itu, KPDN akan terus memantau harga barang yang terlibat.

"Tiga komponen Menu Rahmah adalah nasi-asasnya beras, ikan atau ayam dan



sayur-sayuran.

"Saya rasa tak mungkin dalam masa tiga bulan, harga beras naik RM10, harga ayam kita kawal dan sayur juga sudah turun harga," ujarnya.

Ditanya mengenai inisiatif Rahmah bagi pengangkutan ke sekolah, Salahuddin berkata, perkara itu memerlukan perbincangan lebih mendalam dengan agensi lain.

"Saya akan adakan libat-

urus bersama pihak bank dan Kementerian Pengangkutan. Namun kita akan selesaikan mengenai jualan baju Rahmah dan Bazar Ramadan Rahmah terlebih dahulu," ujarnya.

Sementara itu, sempena Program Rahmah, AEON BiG menawarkan 100 produk terpilih yang dijual pada harga lebih rendah untuk meringankan beban pelanggan.

Antara barang terpilih itu

termasuk beras, minyak masak, makanan proses, peralatan mandian dan keperluan asas lain.

Selain itu, AEON BiG juga memperkenalkan pelbagai set Menu Rahmah berserta air mineral yang berharga RM4.95.

Bagi Paket Rahmah, AEON BiG menyediakan paket barang keperluan harian bernilai RM50 yang akan dijual di seluruh cawangannya.

Salahuddin (dua dari kiri) menunjukkan barang Bakul Rahmah bersama Pengarah Urusan AEON BiG (M) Sdn Bhd, Sheikh Farouk Sheikh Mohamed (kanan) pada majlis pelancaran Program Rahmah AEON BiG di AEON BiG Wangsa Maju, Kuala Lumpur pada Isnin.

Coffee restaurant chain offers Menu Rahmah meals

KUALA LUMPUR: OldTown White Coffee will introduce three different Menu Rahmah meals priced at between RM4.50 and RM5 at all its branches nationwide beginning Thursday.

Kopitiam Asia Pacific chief development officer Deric Yeo said the three meals are *Nasi Lemak Rahmah*, *Nasi Lemak Rahmah* with sausage, and *Nasi Lemak Rahmah* with minced chicken, served with lime juice.

"Everyone will be able to enjoy this meal because we would not be able to identify people from the B40 group. The menu will be available at all outlets nationwide," he said yesterday.

He added that to make the menu a success, OldTown White Coffee had to go through several processes to find the right recipe and ensure that the meals are healthy.

He said the ingredients used are halal so that it can be served to all races, adding that the Menu Rahmah meal was prepared the same as other meals to ensure its nutritional value is maintained, although the price of the Menu Rahmah meal is much cheaper.

Yeo added that OldTown White Coffee will also introduce a healthier menu this year, by introducing plant-based meals that are high in fibre and protein rich.

"This does not mean that we will change the existing menu. We are just adding another category to it for health conscious customers."

"We are currently working with Future Food Sdn Bhd, that provides plant-based 'meats' that have more protein and fibre than plants."

Yeo also said OldTown White Coffee will offer a plant-based "chicken popcorn" meals at the K-pop girl group Blackpink's concert in Bukit Jalil next month.

"We will have a kiosk to provide food for Blackpink fans before they enter the venue. We want them to have some comfort food while enjoying the concert" – Bernama

Menu Rahmah martabak saiz A4

Oleh NOR SHAFAWATI YUP
utusannews@mediamulia.com.my

SEREMBAN: Menu Rahmah pada harga RM5 dan ke bawah yang diperkenal Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sejak bulan lalu terus mendapat sokongan peniaga kedai makan dan restoran.

Bagi memberi kelainan kepada pelanggan, seorang pengusaha martabak memperkenalkan makanan berkenaan yang bersaiz besar dan padat pada harga RM5 serta minuman.

Pengusaha kedai Murtabak Terbang, Kamarul Rizal Kamarudin, 43, berkata, dia

tidak mahu ketinggalan menyokong usaha kerajaan dan membantu golongan tidak berkemampuan menikmati hidangan yang diinginkan pada harga murah.

“Set makanan Menu Rahmah berasaskan nasi sudah ramai yang perkenalkan, jadi saya terfikir memberi kelainan kepada pengguna yang mana mereka boleh makan martabak yang sedap dan berisi padat pada harga RM5 sahaja.

“Martabak ini bukan ‘kosong’ sebaliknya padat dengan isi ayam atau daging dimakan bersama kuah kari. Biasanya kami jual pada harga RM8 tetapi istimewa untuk Menu Rah-

mah kami tawarkan harga RM5 sahaja dengan air sirap atau teh o ais,” katanya ketika ditemui di Sikamat di sini.

Katanya, martabak mungkin sukar didapati dan banya dijual ketika bulan Ramadan, sebaliknya di kedainya menu itu boleh didapati setiap hari.

Sementara itu, seorang pelanggan, Noridah Adnan, 57, teruja dan berpuas hati apabila ada peniaga yang menawarkan Menu Rahmah selain nasi seperti martabak.

“Saya memang peminat murtabak, bila pertama kali rasa memang sedap dan puas hati. saiznya pula besar lebih kurang saiz kertas A4,” katanya.



KAMARUL Rizal Kamarudin menunjukkan Menu Rahmah martabak bersaiz besar yang dijualnya di Kedai Murtabak Terbang, Sikamat, Seremban, Negeri Sembilan. - UTUSAN/NOR SHAFAWATI YUP

Murtabak Terbang dulu harga RM8, kini turun kepada RM5

SEREMBAN — Menu Rahmah pada harga RM5 dan ke bawah yang diperkenalkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sejak bulan lalu terus mendapat sokongan peniaga kedai makan dan restoran.

Bagi memberi kelainan kepada pelanggan, seorang pengusaha Kedai Murtabak Terbang di sini memperkenalkan Menu Rahmah Murtabak bersaiz besar dan padat pada harga RM5 berserta minuman.

Kamarul Rizal Kamarudin, 43, berkata, dia juga tidak mahu ketinggalan menyokong usaha kerajaan dan membantu golongan tidak berkemampuan dan B40 menikmati hidangan yang diinginkan pada harga murah.

"Set makanan Menu Rahmah berasaskan nasi sudah ramai yang perkenalkan, jadi saya terfikir untuk memberi kelainan kepada pengguna yang mana mereka boleh makan murtabak yang sedap dan berisi padat pada harga RM5 sahaja.

"Murtabak ini bukan 'kosong' sebaliknya padat dengan isi ayam atau daging dimakan bersama kuah kari, biasanya kami jual pada harga RM8 tetapi istimewa untuk Menu Rahmah kita tawarkan pada harga RM5," katanya ketika ditemui di Kedai Murtabak Terbang di sini semalam.

Kata Kamarul Rizal, murtabak mungkin sukar didapati



KAMARUL RIZAL menunjukkan Menu Rahmah Murtabak bersaiz besar dan padat yang dijualnya di Kedai Murtabak Terbang, Sikamat semalam.

dan banyak dijual ketika bulan Ramadan, sebaliknya di kedainya menu itu boleh dibeli setiap hari.

"Bukan sahaja murah, jika

terasa hendak makan murtabak boleh sahaja datang ke sini. In-sya-Allah berbaloi dengan harga dan saiznya," katanya



Set makanan Menu Rahmah berasaskan nasi sudah ramai yang perkenalkan, jadi saya terfikir untuk memberi kelainan kepada pengguna yang mana mereka boleh makan murtabak yang sedap dan berisi padat pada harga RM5 sahaja."

Kosmo!

SUARA KONTEMPORARI

HARI : SELASA
TARIKH : 21/2/2023
M/SURAT : 16

 Senarai Harga Barang Keperluan	Ayam RM7.99 Daging Lembu Tempatan RM36 Daging Lembu Import RM50.90	Telur Gred A RM13.50 Ikan Kembung RM13 Minyak Masak RM6.76	Gula Pasir RM2.80 Bawang Besar Holland RM2.49 Bawang Putih RM4.99	Cili Merah RM9.50 Kubis Bulat Tempatan RM3.99 Tepung Gandum RM3
--	--	--	---	---

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP



KERATAN AKHBAR (AGENSI KPDN)

21 FEBRUARI 2023 (SELASA)

Peruntukan RM2 juta bantu rakyat daftar cap dagangan

KUALA LUMPUR - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) memperuntukkan RM2 juta bagi pelaksanaan program pendaftaran cap dagangan, reka bentuk dan perindustrian kepada rakyat negara ini khususnya pelajar.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub menjelaskan, pendaftaran secara percuma diberikan kepada pelajar yang ingin mendaftarkan paten ciptaan mereka menerusi inisiatif Payung Rahmah.



SALAHUDDIN

Beliau berkata, sebanyak sembilan program dilaksanakan melibatkan 1,650 pelajar antaranya usahawan cilik harta intelek (IP), program Youth IP di bawah usaha berkenaan.

"Melalui inisiatif Payung Rahmah, kita sudah memperuntukkan konsep mendaya-upaya dan geran sebanyak RM2 juta.

"Pendaftaran percuma itu bagi mendaftarkan dalam bentuk cap dagangan, reka bentuk, perindustrian, petunjuk geografi dan hak cipta," katanya ketika sesi jawab lisan di

Dewan Rakyat pada Isnin.

Beliau menjawab soalan Dr Richard Rapu@Aman (GPS-Betong) mengenai inisiatif dan bantuan yang boleh dilakukan bagi menggalakkan penciptaan dan inovasi oleh pelajar peringkat menengah mahupun siswa universiti untuk mendaftar paten ciptaan mereka.

Sementara itu menjawab soalan tambahan Nurul Amin Hamid (PN-Padang Terap) mengenai program geran dana pemfailan IP telah dimulakan pada 2022 dengan peruntukan RM4 juta dan bukannya diperkenalkan di bawah Payung Rahmah, Salahuddin bagaimanapun menegaskan, pertikaian tersebut bukanlah keutamaan.

RM2 juta bantu rakyat daftar cap dagangan

Peruntukan diberi kepada pelajar untuk mendaftarkan harta intelek paten

Oleh: Szu Lin, Berita Harian
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sebanyak RM2 juta diperuntukkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) bagi pelaksanaan program pendaftaran cap dagangan, reka bentuk dan perindustrian kepada rakyat negara ini, khususnya pelajar di bawah Payung Rahmah.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata berdasar-

kan inisiatif Payung Rahmah, pendaftaran secara percuma diberikan kepada pelajar yang ingin mendaftarkan paten ciptaan mereka.

Katanya, antara harta intelek paten yang diterima dari golongan pelajar yang mendapat perhatian adalah permohonan daripada Maryam Muzamir berusia 11 tahun yang merangkul tiga pingat emas di dalam pertandingan 'The 6th International Invention, Innovation Competition (iCAN) 2021' menerusi reka cipta 'YAM 2.0' iaitu inovasi makanan haiwan daripada kulit udang dan sifut sedut.

Katanya, proses penilaian awal sudah dilakukan bagi menilai kebarangkalian inovasi 'YAM 2.0' boleh difaafarkan di bawah Akta Paten 1983.

"Seterusnya, pada 27 Oktober 2021, inovasi YAM 2.0 iaitu 'Livestock Feed Composition'



Gambar fail Maryam ketika merangkul tiga pingat emas dalam pertandingan iCAN 2021.

sudah difaafikan dan menunggu proses pemeriksaan dijalankan," katanya.

Beliau berkata, data statistik MyIPO adalah berdasarkan rekod permohonan yang diterima dan dikategorikan kepada permohonan harta intelek tempatan dan luar negara.

"Bagi dua tahun terkini, data statistik MyIPO merekodkan permohonan paten tempatan sebanyak 936 pada 2022 dan 1,003 permohonan pada 2021.

"Berdasarkan permohonan tempatan yang diterima, dianggarkan satu pertiga pemohon individu adalah berumur 40 tahun

dan ke bawah," katanya.

8 program dilaksana

Beliau berkata keseluruhanya sebanyak sembilan program membabitkan 1,650 pelajar dilaksanakan antaranya usahawan cilik harta intelek (IP), program 'Youth IP' di bawah usaha berkennaan.

"Melalui inisiatif Payung Rahmah, kita sudah memperuntukkan konsep mendayaapakan dan geran sebanyak RM2 juta diperuntukkan yang mana rakyat Malaysia, khususnya pelajar yang mula menunjukkan bakat mereka diberikan pen-

daftaran percuma.

"Pendaftaran percuma itu bagi mendaftarkan dalam bentuk cap dagangan, reka bentuk, perindustrian, petunjuk geografi dan hak cipta," katanya pada sesi jawab isian di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Dr Richard Rapu@Aman (GPS-Betong) mengenai inisiatif, mahupun bantuan yang boleh dilakukan bagi menggalakkan penciptaan dan inovasi oleh pelajar peringkat menengah mahu pun siswa universiti untuk mendaftar paten ciptaan mereka.

RM2 juta bagi program daftar cap dagangan

PETALING JAYA — Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) memperuntukkan sebanyak RM2 juta bagi pelaksanaan program pendaftaran cap dagangan, reka bentuk dan perindustrian kepada rakyat negara ini, khususnya golongan pelajar.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, pendaftaran secara percuma diberikan kepada pelajar yang ingin mendaftarkan paten ciptaan mereka menerusi inisiatif Payung Rahmah.

"Melalui inisiatif Payung Rahmah, kita sudah memperuntukkan konsep mendaya-upaya dan geran sebanyak RM2 juta diperuntukkan.

"Rakyat Malaysia khususnya pelajar yang mula menunjukkan bakat mereka diberikan pendaftaran percuma.

"Pendaftaran percuma itu bagi mendaftarkan dalam bentuk cap dagangan, reka bentuk, perindustrian, petunjuk geografi dan hak cipta," katanya ketika sesi jawab lisan di Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau berkata demikian

bagi menjawab soalan Dr. Richard Rapu@Aman (**GPS-Betong**) mengenai inisiatif dan bantuan yang boleh dilakukan bagi menggalakkan penciptaan dan inovasi oleh pelajar peringkat menengah mahupun siswa universiti untuk mendaftarkan paten ciptaan mereka.

Menurut Salahuddin, sebanyak sembilan program dilaksanakan membabitkan 1,650 pelajar, antaranya usahawan cilik harta intelek (IP), program 'Youth IP' di bawah usaha itu.

Sementara itu, menjawab soalan tambahan Nurul Arin Hamid (**PN-Padang Terap**) yang menyatakan program geran dana pemfailan IP telah dimulakan pada 2022 dengan peruntukan RM4 juta dan bukannya diperkenalkan di bawah Payung Rahmah, Salahuddin menegaskan, pertkaian tersebut bukanlah keutamaan.

"Saya tidak kisahlah (inisiatif) Rahmah ke tidak Rahmah, bila ia dibuat itu tidak mengapa, asalkan yang baik kita lanjutkan, itu penting supaya keputusan akhirnya, rakyat dapat kepentingan," ujarnya.



KERAJAAN memperuntukkan RM2 juta bagi program pendaftaran cap dagangan khususnya bagi golongan pelajar. — GAMBAR HIASAN



MEDIA ONLINE (KPDN)

21 FEBRUARI 2023 (SELASA)

BERITA ONLINE BERTARIKH 21 FEBRUARI 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
21-Feb	Kerajaan teliti Insurans Rahmah	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/246034	SH
21-Feb	RM2 juta diperuntukkan bantu rakyat daftar cap dagangan	https://www.buletintv3.my/nasional/rm2-juta-diperuntukkan-bantu-rakyat-daftar-cap-dagangan/#.Y_LfYJG5dAU.facebook	BULETINTV3
21-Feb	Kerajaan sediakan peruntukan RM2 juta, galak pelajar dan belia daftar paten ciptaan	https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/57729-kerajaan-sediakan-peruntukan-rm2-juta-galak-pelajar-dan-belia-daftar-paten-ciptaan	BERITARTM
21-Feb	RM2 juta peruntukan bantu rakyat daftar cap dagangan	https://www.sinharharian.com.my/article/246064/berita/nasional/rm2-juta-peruntukan-bantu-rakyat-daftar-cap-dagangan	SH
21-Feb	RM2 juta peruntukan bantu rakyat daftar cap dagangan	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/rm2-juta-peruntukan-bantu-rakyat-daftar-cap-dagangan-407352%3famp=1	ASTROAWANI
21-Feb	RM2 juta diperuntukkan bantu rakyat daftar cap dagangan	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/02/1066600/rm2-juta-diperuntukkan-bantu-rakyat-daftar-cap-dagangan	BH
21-Feb	PETROL SUBSIDI 150 Liter Minyak Tanpa Kebenaran Sah Dirampas	https://fb.watch/iOT_IC5ivF/	BULETINTV3
21-Feb	Jualan Rahmah, Bakul Rahmah, Menu Rahmah dan Pakej Rahmah di AEON BiG	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/938035/jualan-rahmah-bakul-rahmah-menu-rahmah-dan-pakej-rahmah-di-aeon-big	HM

21-Feb	KPDN, Aeon Big jalin kerjasama semarak Program Rahmah	https://malaysiagazette.com/2023/02/20/kpdn-aeon-big-jalin-kerjasama-semarak-program-rahmah/	MALAYSIAGAZETTE
21-Feb	AEON BiG Sambut Seruan Kerajaan Laksanakan Program Rahmah	https://my.lifenewsagency.com/2023/02/20/aeon-big-sambut-seruan-kerajaan-laksanakan-program-rahmah/	MY.LIFENEWSAGENCY
21-Feb	KPDN pantau pihak sabotaj Menu Rahmah	https://www.kosmo.com.my/2023/02/20/kpdn-pantau-pihak-sabotaj-menu-rahmah/	KOSMO
21-Feb	Payung Rahmah untuk bas sekolah, KPDN akan bincang dengan Kementerian Pengangkutan dan bank	https://majoriti.com.my/berita/2023/02/20/payung-rahmah-untuk-bas-sekolah-kpdn-akan-bincang-dengan-kementerian-pengangkutan-dan-bank	MAJORITI
21-Feb	AEON BiG joins the Rahmah programme offering quality food and groceries	https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/02/881819/aeon-big-joins-rahmah-programme-offering-quality-food-and-groceries	NST
21-Feb	Salahuddin: Govt confident Menu Rahmah initiative can thrive	https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/02/20/salahuddin-govt-confident-menu-rahmah-initiative-can-thrive/55893	MALAYMAIL
21-Feb	Govt confident Menu Rahmah initiative can thrive	https://www.thesundaily.my/local/govt-confident-menu-rahmah-initiative-can-thrive-BB10661330	THESUNDAILY
21-Feb	Inisiatif Menu Rahmah diyakini mampu bertahan	https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/57769-inisiatif-menu-rahmah-diyakini-mampu-bertahan	BERITARTM
21-Feb	'Saya yakin tiada yang akan sabotaj kualiti Menu Rahmah' - Salahuddin	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/938051/saya-yakin-tiada-yang-akan-sabotaj-kualiti-menu-rahmah-salahuddin	HM

21-Feb	Mustahil peniaga guna ikan busuk untuk Menu Rahmah – Menteri	https://malaysiagazette.com/2023/02/20/mustahil-peniaga-guna-ikan-busuk-untuk-menu-rahmah-menteri/	MALAYSIAGAZETTE
21-Feb	Yakin tiada pihak tergamak sabotaj Menu Rahmah	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/246151	SH
21-Feb	Kerajaan yakin inisiatif Menu Rahmah mampu bertahan	https://m.malaysiakini.com/news/655772	MALAYSIAKINI
21-Feb	Kerajaan yakin inisiatif Menu Rahmah mampu bertahan	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2166152	BERNAMA
21-Feb	Kerajaan yakin inisiatif Menu Rahmah mampu diteruskan, perlu dokongan pemain industri	https://selangorkini.my/2023/02/kerajaan-yakin-inisiatif-menu-rahmah-mampu-diteruskan-perlu-dokongan-pemain-industri/	SELANGORKINI
21-Feb	57 premis tawar Menu Rahmah di Perak	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/02/1066879/57-premis-tawar-menu-rahmah-di-perak	BH
21-Feb	Menu Rahmah dapat sambutan di Perak	https://www.sinarharian.com.my/article/246155/edisi/perak/menu-rahmah-dapat-sambutan-di-perak	SH
21-Feb	Menteri tinjau Menu Rahmah, bangga sambutan pemain industri	https://selangortv.my/menteri-tinjau-menu-rahmah-bangga-sambutan-pemain-industri/	SELANGORKINI
21-Feb	Selepas makanan, kini ada pula Buku RAHMAH – Salahuddin	https://www.google.com/amp/s/malay-siapost.com.my/2023/02/20/selepas-makanan-kini-ada-pula-buku-rahmah-salahuddin/amp/	MALAYSIAPOST
21-Feb	Harga sayur mula turun - Salahuddin	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/02/1066841/harga-sayur-mula-turun-salahuddin	BH
21-Feb	Harga sayur sudah mula turun – Salahuddin Ayub	https://www.buletintv3.my/nasional/harga-sayur-sudah-mula-turun-salahuddin-ayub-1/	BULETINTV3